


Foto Saddam Yusoff /BH



Telur yang direndam dalam air kolam hampir masak.



Istimewanya kolam air panas Ulu Slim

13A
25/12/16
MIS -20

Kolam Air Panas Popular di Malaysia

- Kampung Air Hangat, Langkawi.
- Kolam Air Panas Ulu Legong, Baling, Kedah
- Kolam Air Panas Gadek, Melaka.
- Kolam Air Panas Sungai Klah, Sungkai, Perak.
- Kolam Air Panas Tambun, Perak.
- Kolam Air Panas Poring, Sabah.
- Kolam Air Panas Pedas, Negeri Sembilan.

→ Kedudukan kelima terpanas di dunia, tumpuan pelawat tempatan, asing

Oleh **Rosman Shamsudin**
kembara@bh.com.my

Ramai yang tidak menyedari kewujudan kolam air panas dipercayai ke-5 panas di dunia berada di Slim River, Perak.

Kolam ini juga dikatakan paling panas di Asia sehingga menjadi tumpuan pelawat tempatan dan luar negara yang ingin menikmati aroma terapi secara semula jadi.

Dikenali Kolam Air Panas Kampung Ulu Slim, suhunya melebihi takat didih 110 darjah Celsius terletak kira-kira 10 kilometer dari pekan Slim River.

Menurut cerita orang lama pada zaman dahulu terdapat seorang penglipur lara atau dikenali tukang cerita yang menceritakan kisah kucing berkahwin dengan monyet menyebabkan penduduk yang mendengar cerita itu ketawa sehingga mengeluarkan air mata begitu banyak.

Keesokannya apabila

penduduk bangun dari tidur, mereka ternampak kepulan asap di hujung kampung mengeluarkan mata air panas dari perut bumi sehingga kolam itu kekal sehingga hari ini.

Namun, semua itu dianggap sebagai cerita dongeng atau mitos kerana bagi penduduk tempatan, kewujudan kolam air panas adalah kuasa Yang Maha Besar.

Seperti mandi wap

Jika berpeluang mengunjungi kolam air panas, jangan terkejut kerana dari jauh kelihatan kepulan wap dari bahang kepanasan air itu agak kurang.

Namun, apabila anda mendekatinya, kepulan wap itu menjadi semakin banyak seolah-olah tarikan suhu badan merangsangkan kawasan air panas.

Pengunjung yang sukakan terapi semula jadi digalakkan mengunjungi kolam ini kerana hanya kira-kira lima minit berada di sekitarnya, terutama di tempat mata air panas badan terasa berpeluh

seperti mandi wap, menyebabkan badan terasa segar.

Berwaspada jika bersama kanak-kanak kecil dan jangan sesekali merendam kaki ke kawasan mata air panas kerana boleh menyebabkan kaki melecur.

Dipercayai ubati penyakit kulit

Suatu ketika dahulu mereka yang mempunyai penyakit kulit akan mengunjungi kolam itu dengan merasai wap dan mencampurkan air yang sudah disejukkan dari mata air panas.

Air itu kemudian disiram atau direndam dan dipercayai boleh menghilangkan penyakit kulit.

Ketua Kampung Ulu Slim, Kamaruzaman Mazlan, 50, berkata kolam air panas ini wujud sudah beratus tahun dan kini dijaga oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Ulu Slim serta tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pengunjung kolam itu.

